

THE PRESIDENT
OF THE SENATE,
PARLIAMENT HOUSE,
50680 KUALA LUMPUR



MALAYSIA

YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA,
BANGUNAN PARLIMEN,
50680 KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

Satu mesyuarat khas Transformasi Parlimen bersama YB Dato' Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), yang dipengerusikan YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim bagi mewakili Dewan Negara dan Dewan Rakyat dilangsungkan petang ini dengan beberapa perkembangan positif telah dicapai.

Susulan mesyuarat yang turut dihadiri YB Senator Dato' Seri Mohamad Ali Mohamad, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara; YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang); Nor Yahati Awang, Ketua Pentadbir Parlimen serta kedua-dua Setiausaha Dewan Negara dan Rakyat itu, satu deraf Rang Undang-Undang dan Memorandum Jemaah Menteri mengenai transformasi Parlimen telah diserahkan kepada YB Menteri untuk dibentang dan diluluskan kerajaan.

Paling penting, YB Menteri menyokong penuh langkah meminda dan memperkasakan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 serta mengembalikan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 agar konsep pengasingan kuasa antara legislatif dan eksekutif benar-benar dapat dijelmakan sebagaimana termaktub dalam Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan.

Langkah meminda, memperkasa dan mengembalikan semula kedua-dua akta ini akan menyaksikan Parlimen tidak tertakluk lagi di bawah kuasa eksekutif serta membolehkan beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas baharu yang mempunyai kuasa perundangan diwujudkan dalam masa terdekat.

Pada masa yang sama, pindaan ke atas Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 juga sedang diteliti bagi membolehkan Dewan tidak membenarkan mana-mana Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang sedang berdepan pendakwaan mahkamah daripada mengambil bahagian dalam persidangan kedua-dua Dewan sehinggalah kesnya selesai.

Selain itu, kedua-dua Dewan juga sedang meneliti untuk menggubal sebuah kod etika khas bagi Ahli Parlimen.

Segala transformasi yang sedang rancak diusahakan ini adalah selari dengan Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik yang ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan pada 13 September 2021 lalu, yang antara lain adalah memberi fokus kepada transformasi Parlimen itu sendiri.

Sehubungan itu, satu interaksi dan taklimat khas mengenai perincian transformasi Parlimen ini akan dibuat kepada semua Ahli Dewan Rakyat dan para Senator dalam masa terdekat bagi memastikan usaha murni ini dapat dihayati dan dilunaskan dengan sebaik mungkin.

YB SENATOR TAN SRI DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM

Yang di-Pertua Dewan Negara

30 September 2021

Parlimen Malaysia

Kuala Lumpur